

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9334

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan merujuk kepada insiden letupan kecil di Puchong Jaya pada 28 Jun 2016 dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi membendung masalah berunsur keganasan melibatkan kumpulan militan "IS" di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua pihak sedia maklum bahawa negara telahpun menghadapi serangan pertama yang dilakukan oleh elemen kumpulan pengganas Daesh. Insiden ini telah terjadi pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai lapan (8) orang awam. Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin. Sesungguhnya, ancaman ini adalah realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan.

Dengan mengambil iktibar beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di dunia masa kini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah drastik bagi meningkatkan tahap keselamatan negara. Antaranya adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dibuat dengan menggunakan konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh pihak polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapkan dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong akan tahap keselamatan negara.

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat maupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara pihak Polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. Pihak PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat dari segi operasi tangkapan yang dilancarkan oleh pihak polis dari semasa ke semasa.

Sehingga 7 Oktober 2016, seramai 255 orang elemen kumpulan pengganas Daesh telah dapat ditangkap oleh pihak polis. Pada masa yang sama, pihak polis juga telah berjaya menggagalkan 13 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013 lagi. Ini jelas membuktikan komitmen kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan negara.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat semua serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas Daesh ini.

Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak Polis amat diharapkan agar elemen Daesh dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh Kerajaan.